

NO SOALAN :46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.07.2017

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pekerja tempatan dan luar negara yang berkhidmat dengan 1MDB dari tahun 2013 , 2014, 2015, 2016 dan 2017; dan
- (b) senaraikan pembayaran cukai syarikat, zakat perniagaan dan cukai hartanah yang telah dibayar oleh 1MDB dari 2013 hingga 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada Disember 2013, 1MDB mempunyai 72 pekerja, termasuk 1 pekerja dari luar negara. Pada Disember 2014, 1MDB mempunyai 77 pekerja termasuk 2 pekerja dari luar negara.

Selaras dengan Pelan Rasionalisasi, 1MDB hanya mempunyai pekerja tempatan berjumlah seperti berikut:

- 35 pekerja pada Disember 2015;
- 17 pekerja pada Disember 2016; dan
- 16 pekerja pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua,

1MDB dan anak syarikat milik penuhnya telah mendapat pengecualian Cukai Pendapatan termasuk dividen bagi tempoh 10 tahun mulai 2010 selaras dengan Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengecualian cukai ini juga termasuk Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Walau bagaimanapun, pengecualian cukai tersebut tidak merangkumi anak syarikat yang lain, seperti Edra dan anak syarikatnya, yang telah peroleh 1MDB (*acquired*, dengan izin) selepas tahun 2010. Selaras dengan ini, pembayaran cukai syarikat di dalam dan di luar negara adalah seperti berikut:

- 2013 : RM199,058,000

- 2014 : RM212,911,000
- 2015 : RM259,168,000
- 2016 : tiada (Edra telah dijual pada tahun 2016)
- 2017 : tiada